

# Cabaran berbeza setiap hari

Ketua Operasi LZS kongsi pengalaman, pengajaran sepanjang berkhidmat dengan masyarakat

**B**erurusan dengan pelanggan dan berdepan dengan masyarakat setiap hari ternyata memberi cabaran yang berbeza kepada Ketua Operasi Lembaga Zakat Selangor (LZS) Daerah Kuala Langat, Mohd Shukri Hushin.

Menurutnya, selain memegang tanggungjawab sebagai ketua operasi dalam menjaga urusan pentadbiran dan hal kebajikan seluruh warga kerja LZS, beliau juga perlu menyantuni asnaf, pemohon dan pembayar zakat.

"Sepanjang proses perkhidmatan yang diberikan, saya hadapinya dengan tenang. Biasalah di mana-mana pun pasti akan ada cabaran.

Terpulang pada diri kita bagaimana nak hadapinya dengan matang dan paling penting profesional.

"Nak berhadapan dengan masyarakat ni, kita kena pandai ambil hati mereka. Kalau ada masalah atau krisis timbul... kita berunding, bagi nasihat dan pandangan serta jangan mudah melenting," katanya.

Mohd Shukri berkata, sikap sentiasa menyantuni masyarakat perlu bagi menjamin hubungan golongan itu dengan semua agensi kerajaan.


## Pengalaman jadi pengajaran

Beliau berkata, dalam pelbagai cabaran ada beberapa yang terkesan di hati, sekali gus memberikan pengalaman pahit manis sepanjang kariernya itu.

Mohd Shukri memberitahu, sekitar 2013 beliau berniat untuk mengerjakan umrah untuk kali kedua.

"Masa tu saya memang nak sangat ke tanah suci sekali lagi...kalau saya jumpa asnaf, atau pemohon bantuan setiap kali itu saya minta mereka doakan supaya hasrat saya itu termakbul.

"Satu hari saya ke rumah seorang pakcik ni yang



Program Iftar Barakah di salah sebuah rumah asnaf di Kampung Bukit Changgang.



Mohd Shukri tidak ketinggalan mengacau bubur lambuk di Bandar Saujana Putra.

**Personaliti**  
**KUALA LANGAT**

terima bantuan kewangan dan makanan bulanan, dan macam-macam tugas saya bawa penerima ke kedai beli makanan dan barangan dapur.

"Masa dalam kereta tu saya ceritalah hasrat saya itu, tiba-tiba pakcik tu terus angkat tangan dan terus doakan untuk saya, esok harinya saya terus dapat panggilan telefon dari sebuah agensi minta saya bawa satu kumpulan mengerjakan umrah," katanya.

Sehingga saat ini beliau tidak akan lupa peristiwa itu sampai bila-bila.

"Setiap kali saya teringat, saya sebak...betapa saya terhutang budi dengan pakcik tu. Saya yakin ALLAH sebaik-baik pemberi rezeki, dan doa orang susah itu pasti akan dimakbulkan," katanya.

Bagi pengalaman pahit pula, dia pernah terlewat menyampaikan bantuan kepada seorang penerima yang menghidap kanser disebabkan maklumat lambat diterima pihaknya.

"Bila kami sampai ke rumah penerima, saya terkejut tengok orang ramai sangat...saya dimaklumkan penerima itu sudah meninggal dunia. Rasa ralat sangat masa tu.

"Saya anggap pengalaman tu sebagai pengajaran dan petanda daripada ALLAH supaya saya lebih peka dengan kehidupan masyarakat memerlukan," katanya.

## PROFIL

Nama: Mohd Shukri Hushin  
Umur: 38 tahun  
Asal: Meru, Klang  
Status: Berkahwin  
Jawatan: Ketua Operasi Daerah Kuala Langat, LZS

PENDIDIKAN:  
Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia



## Tingkat kualiti hidup penerima

Dalam pada itu, Mohd Shukri turut berharap agar penerima bantuan zakat di Kuala Langat dapat berusaha meningkatkan kualiti hidup sebaiknya supaya tidak dilabel insan yang hanya menanti bantuan semata-mata.

"Perubahan kualiti kehidupan terletak pada diri kita sendiri,

lebih penting kita jangan sesekali berputus asa kerana rezeki ALLAH amat luas untuk diterokai dan ia pasti ada," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain daripada menguruskan pentadbiran zakat, beliau juga merupakan jurulatih kepada LZS dalam memberi kefahaman berkaitan fiqh zakat kepada

seluruh warga LZS.

Katanya, beliau juga berhasrat menjadi motivator yang bergiat aktif dalam menyampaikan ceramah dan pembangunan insan di seluruh Malaysia selain menjadi rujukan dalam urusan penulisan wasiat dan pengurusan pentadbiran harta pusaka dan faraid.



Shukri bersama isterinya Hajjinda Salikin, 38, ketika menunaikan haji tahun ini.



Membantu penerima yang memiliki anak menghidap masalah kesihatan antara sasaran utama.